

# Wajar kaji tempoh tunggu tunai haji

JIKA kita mendaftar untuk menunaikan haji pada hari ini kemungkinan besar kita perlu menunggu sehingga 70 tahun untuk berpeluang menunaikan rukun Islam yang kelima itu. Ini adalah realiti yang perlu dihadapi oleh semua bakal haji di negara kita yang perlu ditangani oleh Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

Jelas situasi ini mencetuskan perasaan yang cukup bercampur baur seperti panik, geram, marah, kecewa dan juga tidak selesa dalam kalangan bakal jemaah yang sangat berharap untuk ke tanah suci terutamanya golongan warga tua yang semakin dimamah usia.

Lebih merisaukan apabila Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim memaklumkan tempoh penantian itu juga boleh menjadi lebih lama lagi kerana sejak kebelakangan ini peruntukan kuota haji untuk Malaysia oleh kerajaan Arab Saudi yang selama ini berjumlah 28,000 orang jemaah dikurangkan dan berubah-ubah sejak 2012.

Hakikatnya pada hari ini duit dan kemampuan kewangan bukan lagi menjadi isu dan persoalan yang merisaukan umat Islam negara ini yang mahu mengerjakan haji. Persoalan yang sering membenggu dan meresahkan kita adalah tempoh menunggu yang secara relatifnya sangat lama dan tidak realistik terutamanya kepada golongan warga tua.

Untuk rekod dilaporkan pendeposit Tabung Haji kini sudah berjumlah 8.6 juta orang dan daripada jumlah tersebut 1.8 juta pendeposit sudah mendaftar untuk menunaikan haji dan sedang menunggu giliran masing-masing. Apa yang menjadi tanda tanya adalah apa pula nasib dan rezeki hampir 10,000 golongan warga tua daripada 1.8 juta terbabit yang adalah warga emas berusia 75 tahun ke atas.

Persoalannya apakah mereka sempat untuk mendapat giliran dan berpeluang menunaikan haji? Hal ini kerana mengikut hukum alam mereka mungkin tidak mempunyai masa yang sepanjang itu untuk menggapai impian masing-masing walaupun soal umur adalah di bawah kuasa Allah SWT.

Itu belum lagi soal keadaan fizikal dan kesihatan mereka di mana kemungkinan besar mereka perlu membawa pengiring untuk



**NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**

membantu mereka melaksanakan ibadat haji.

Secara umumnya ini bukanlah isu baru di negara kita. Isu terpaksa menunggu lama untuk menunaikan ibadat haji walaupun kewangan sudah mencukupi boleh dikatakan sering kedengaran hampir setiap tahun menjelang musim haji. Ada yang terlalu beremosi sehingga marah, geram dan hampir putus asa memandangkan umur semakin lanjut dan kesihatan pula semakin merosot. Ini ditambah pula apabila kita dapat ramai golongan anak muda dan kanak-kanak termasuk yang belum baligh diberi peluang menunaikan haji bersama ibu bapa.

Dalam konteks ini kita tidaklah berniat untuk menyalahkan ibu bapa mahupun menyekat rezeki dan peluang mereka kerana ibu bapa terbabit mampu dan sekali gus telah mendaftar anak sejak lahir ataupun ada yang boleh meletakkan terus jumlah keseluruhan kos yang diperlukan dalam tabungan anak sehingga mendapat tempat untuk menaikkan haji pada usia yang sangat muda. Ini adalah satu fenomena dan juga dilema dalam masyarakat kita apabila kita bercakap tentang soal peluang untuk menunaikan haji.

Justeru penulis sangat bersetuju dengan cadangan pihak Tabung Haji yang akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi mencari kaedah yang lebih berkesan untuk menyelesaikan pendaftaran haji yang melebihi 1.8 juta orang ini di mana penulis percaya bilangan ini akan terus meningkat memandangkan jumlah pendeposit sudah pun menjangkau 8.6 juta orang. Jawatankuasa ini wajar mengkaji sistem sedia ada secara menyeluruh.

Sistem giliran secara umum dan sama untuk semua yang mendaftar untuk menunaikan haji mungkin sudah tidak sesuai, praktikal dan relevan lagi. Mengambil kira senario semasa mungkin sudah tiba masanya untuk kita memperkenalkan sistem giliran dan kuota mengikut kategori tertentu. Elok diwujudkan kategori mengikut



**SEBAHAGIAN** jemaah haji kumpulan pertama tahun ini beratur untuk mengimbas bagasi sebelum menaiki bas khas ke KLIA, di Kompleks Haji Kelana Jaya, Selangor. - UTUSAN

kelompok seperti kategori warga tua tanpa mengira bila mereka mendaftar, kategori kanak-kanak dan dewasa biasa.

Dalam setiap kategori itu pula perlu juga ada syarat dan kriteria khusus agar pemilihan kelak dapat dibuat dengan lebih telus, adil dan berkesan. Pokoknya, bersandarkan kepada aspek kebaikan, kalau boleh kita mahu lihat lebih ramai warga tua diberi peluang menunaikan haji. Untuk itu, bagi penulis tidak salah andai kita perlu sampai ke tahap terpaksa mengehadkan mahupun mengurangkan kuota kanak-kanak dan golongan muda walaupun jumlah tabungan mereka sudah mencukupi dan pendaftaran telah melebihi lima tahun.

Ibu bapa wajar memahami situasi ini dan seterusnya mengalah serta bertolak ansur. Anak boleh melaksanakan tanggungjawabnya bila sampai masanya kelak. Malah penulis juga ingin mencadangkan jika perlu tidak membenarkan terus kanak-kanak yang pada sesatu peringkat usia yang difikirkan kurang munasabah untuk mendaftar ataupun memperkenalkan konsep umur minimum untuk mendaftar dan menunaikan haji kecuali kes-kes tertentu sahaja mengikut pertimbangan dan budi bicara yang sewajarnya.

Paling tidak pun naikkan tempoh lima tahun yang sudah membolehkan nama kita akan naik untuk

menunggu giliran bagi golongan kanak-kanak. Mungkin ada yang akan berpandangan tindakan seperti ini agak keterlaluan dan ada yang tidak setuju tetapi percayalah kita perlu membuat sesuatu tindakan dan keputusan yang drastik bagi menangani isu ini secara bijak dan berhemah.

Dalam pada itu isu tawaran menunaikan haji kepada bakal jemaah yang telah menunaikan haji sebelum ini juga wajar disemak semula. Amalan sekarang ialah selepas lima tahun sudah boleh mendaftar dan menunggu giliran semula untuk menunaikan haji. Lima tahun mungkin satu tempoh yang terlalu cepat dalam konteks ini yang dikhuatiri akan menjelaskan peluang jemaah yang ingin menunaikan haji buat kali pertama. Justeru wajar tempoh ini juga dikaji dan dilanjutkan untuk suatu tempoh yang lebih praktikal dan munasabah.

Situasi semasa memang cukup mendesak untuk kita mengkaji semula sistem giliran sedia ada dan sekali gus menuntut sistem giliran yang lebih praktikal dan bersesuaian. Justeru apa pun langkah dan kaedah baharu yang bakal diperkenalkan kelak hasrat kita hanyalah untuk melancarkan urusan ibadat haji dan mengutamakan golongan yang sangat memerlukannya.

**PENULIS** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.